

TAHAP MOTIVASI PELAJAR ANTARABANGSA TERHADAP BAHASA MELAYU: KAJIAN KES UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

(THE MOTIVATION LEVEL OF INTERNATIONAL STUDENTS TOWARDS MALAY LANGUAGE: A CASE
STUDY AT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA)

YA'ACOB, C. H.^{1*} – SHUKERI, N. H. A.¹ – SAIRAN, M. A. A.¹

¹ *Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kedah,
Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: chehasniah[at]uum.edu.my*

(Received 15th May 2025; revised 03rd August 2025; accepted 12th August 2025)

Abstrak. Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Institusi Pengajian Tinggi 2023 hingga 2030 meneruskan polisi dasar sebelumnya yang mewajibkan pelajar-pelajar antarabangsa mengambil kursus bahasa Melayu sebagai salah satu kursus wajib dalam program mereka. Secara umumnya, prestasi pelajar antarabangsa dalam kursus bahasa Melayu di Universiti Utara Malaysia pada era globalisasi dan teknologi maklumat ini belum sampai kepada tahap yang boleh dibanggakan. Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap motivasi yang menyumbang kepada penguasaan pelajar dalam kursus bahasa Melayu. Kaedah penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah soal selidik melalui pendekatan kuantitatif. Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar melalui Google Form. Kaedah ini adalah lebih sesuai dan efisien kerana data yang diperolehi adalah mudah untuk dianalisis dan ditadbir oleh penyelidik. Seramai 27 orang pelajar antarabangsa telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Dapatan analisis kajian secara keseluruhannya menunjukkan dua motivasi yang menyumbang kepada penguasaan bahasa Melayu iaitu motivasi instrumental dan integratif. Kajian ini mendapati bahawa motivasi instrumental adalah lebih dominan, tetapi motivasi integratif juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan minat pelajar. Kesimpulannya, kajian ini juga membuka ruang untuk penyelidikan lanjut dalam bidang pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa. Melalui pendekatan yang berterusan dan penambahbaikan berasaskan bukti, pendidikan bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa dapat terus diperkukuhkan.

Katakunci: *sikap, motivasi, bahasa Melayu, pelajar antarabangsa*

Abstract. Action Plan to Empower the Malay Language as the Language of Knowledge in Higher Education Institutions (20232030) continues the previous policy that mandates international students to take a Malay language course as a compulsory component of their academic programs. Generally, the performance of international students in Malay language courses at Universiti Utara Malaysia during this era of globalization and information technology has yet to reach a commendable level. The primary aim of this study is to identify the level of motivation that contributes to students mastery of the Malay language course. This research employed a quantitative approach using a questionnaire survey method. The questionnaire was distributed to students via Google Forms. This method was chosen for its suitability and efficiency, as the data collected is easier to manage and analyze by the researchers. A total of 27 international students participated as respondents in this study. The overall findings indicate that two types of motivation contribute to Malay language acquisition: instrumental motivation and integrative motivation. The study found that instrumental motivation is more dominant; however, integrative motivation also plays a crucial role in sustaining students interest. In conclusion, this study paves the way for further research in the field of Malay language learning among international students. Through continuous, evidence-based improvement efforts, the teaching and learning of the Malay language for international students can be further strengthened and enhanced.

Keywords: *attitude, motivation, Malay language, international students*

Pengenalan

Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di Institusi Pengajian Tinggi 2023 hingga 2030 meneruskan polisi dasar sebelumnya yang mewajibkan pelajar-pelajar antarabangsa mengambil kursus bahasa Melayu sebagai salah satu kursus wajib dalam program mereka. Unikinya, setiap kursus yang ditawarkan adalah berbeza-beza mengikut Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) masing-masing. Contohnya ialah kursus Bahasa Melayu Komunikasi, Bahasa Melayu untuk Penutur Asing dan Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing dan sebagainya. Sementara itu, dalam konteks di Universiti Utara Malaysia (UUM), pelajar antarabangsa yang mengikuti program ijazah sarjana muda diwajibkan mengambil kursus MPU1032 Bahasa Melayu Asas untuk Penutur Asing. Bermula pada tahun 2023, selaras dengan kemasukan pelajar antarabangsa di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia, pihak pengurusan UUM telah menjadikan kursus Bahasa Melayu Asas untuk Penutur Asing sebagai satu kursus wajib kepada para pelajar antarabangsa. Kursus ini ditawarkan khusus untuk pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian peringkat sarjana muda di UUM. Para pelajar perlu mengikuti kursus ini selama satu semester dengan peruntukan dua jam kredit yang menyamai dua jam pertemuan seminggu. Pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu di UUM ini terdiri daripada pelajar yang berbeza latar belakang serta berasal dari pelbagai negara dan terdiri daripada pelbagai pusat pengajian yang berbeza.

Memandangkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara seperti yang telah diperuntukkan secara jelas dalam Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Akta ini menekankan bahawa kemajuan negara dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial, rohani, moral dan etika perlu berlandaskan kepada sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai medium utama pengajaran. Sistem ini turut menetapkan kurikulum dan kaedah penilaian yang seragam, sejajar dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju sepenuhnya. Namun begitu, pencapaian pelajar antarabangsa dalam penguasaan bahasa Melayu, khususnya di institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), masih berada pada tahap sederhana. Sebagai contoh, berdasarkan laporan akademik semester pertama sesi 2012/2013, daripada 18 orang pelajar antarabangsa yang mengambil kursus bahasa Melayu, hanya sekitar lima peratus sahaja yang menunjukkan pencapaian cemerlang, manakala selebihnya memperoleh keputusan pada tahap purata (Nasir dan Hamzah, 2014). Fenomena ini mencerminkan bahawa penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa masih belum mencapai tahap yang memuaskan, dan hal ini dipercayai berpunca daripada faktor tahap motivasi mereka terhadap bahasa tersebut. Tahap motivasi pelajar terhadap bahasa sangat mempengaruhi proses pembelajaran, di mana motivasi yang rendah seperti tidak berminat atau menganggap bahasa tersebut tidak penting boleh menjejaskan keberkesanan pembelajaran. Gardner dan Lambert (1972) menyatakan bahawa motivasi terbahagi kepada dua bentuk, iaitu motivasi integratif dan instrumental. Pelajar yang memiliki kedua-dua bentuk motivasi ini secara seimbang berkemungkinan besar dapat menguasai bahasa kedua dengan lebih baik. Berdasarkan realiti ini, penyelidikan ini dijalankan untuk meneliti dengan lebih mendalam tahap motivasi pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus bahasa Melayu di Universiti Utara Malaysia (UUM), dalam usaha memahami cabaran serta potensi yang wujud dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar bukan penutur jati. Justeru kajian ini akan mengenal pasti

apakah jenis motivasi yang menyumbang kepada penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di UUM.

Ulasan karya


Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan tahap motivasi pelajar antarabangsa dalam mempelajari bahasa asing. Menurut Ma'alip et al. (2021) menerusi kajian yang bertajuk Motivasi dan Halangan bagi Pelajar Asing Menguasai Bahasa Melayu sebagai Pembelajaran Secara dalam Talian di Universiti Teknologi Malaysia telah mengenal pasti tahap motivasi pelajar asing dalam menguasai bahasa Melayu secara dalam talian dan menghuraikan halangan yang mempengaruhi mereka. Dapatan kajian ini mendapati bahawa min keseluruhan bagi tahap motivasi pelajar asing adalah tinggi. Pelajar asing ini bersemangat untuk menguasai bahasa Melayu walaupun pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Manakala min keseluruhan bagi halangan pula adalah sederhana dan membuktikan bahawa halangan ini hanya dihadapi oleh segelintir pelajar sahaja. Manakala bagi kajian yang dilaksanakan oleh Bidin et al. (2019) menerusi kajian yang bertajuk Faktor Sikap, Motivasi dan Jantina Mempengaruhi Penguasaan Pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah untuk mengenal pasti motivasi, sikap dan jantina yang mempengaruhi pembelajaran Bahasa Jepun di UTHM. Kajian ini bersifat kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor tertinggi yang menjadi motivasi pelajar dalam mempelajari Bahasa Jepun adalah kerana keinginan pelajar untuk pergi ke Jepun. Manakala faktor tertinggi bagi sikap yang membantu dalam penguasaan bahasa kedua dengan lebih cepat adalah dengan menyiapkan latihan dan tugas yang diberikan. Sementara itu, daripada segi jantina pula, didapati peratus pencapaian pelajar lelaki dalam gred yang lebih baik adalah lebih tinggi berbanding dengan peratus pencapaian pelajar perempuan dalam gred yang sama.

Seterusnya ialah kajian oleh Nasir dan Hamzah (2014) yang mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Seramai 16 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian untuk memenuhi objektif kajian ini iaitu untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan juga untuk mengetahui sejauh mana tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi ketika mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga mereka. Dapatan kajian juga mendapati faktor peranan tenaga pengajar juga menjadi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini didapati faktor persekitaran tidak banyak membantu pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing. Masyarakat tempatan dilihat kurang selesa bertutur dalam bahasa Melayu dengan mereka. Keseluruhannya, pelajar asing mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu sekiranya mendapat dorongan dan panduan daripada individu berkaitan. Bakar dan Subramaniam (2016) pula melaksanakan kajian untuk mengenal pasti sama ada pelajar asing bermotivasi instrumental atau integratif dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa Melayu. Kaedah kuantitatif digunakan bagi menjawab soalan kajian. Instrumen soal selidik digunakan bagi mengumpulkan data. Seramai 300 orang pelajar asing yang mewakili enam buah negara telah dipilih sebagai responden kajian. Data soal selidik dianalisis untuk menjawab soalan kajian. Dalam kajian ini, analisis sikap dibuat dari aspek sikap pelajar secara umum terhadap bahasa Melayu, sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu. Dapatan kajian

menunjukkan pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Melayu serta bermotivasi untuk mempelajarinya disebabkan oleh pengaruh persekitaran seperti kesetiaan kepada bahasa nenek moyang mereka.

Kerangka kajian

Secara ringkasnya, kajian mengenai motivasi dan sikap sering dikaitkan dengan teori Gardner (1985) dalam konteks pembelajaran dan pemerolehan bahasa kedua. Gardner yang terkenal dengan Model Sosial Psikologikal menjelaskan bahawa pembelajaran bahasa kedua ialah fenomena sosial psikologi. Model sosial psikologi yang diusulkan oleh Howard Gardner adalah berdasarkan Theory of Multiple Intelligences (Teori Kecerdasan Pelbagai), yang menyatakan bahawa kecerdasan manusia bukanlah satu dimensi tunggal, tetapi terbahagi kepada pelbagai jenis. Dalam konteks model sosial-psikologikal Gardner, khususnya yang melibatkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal, konsep sikap, serta motivasi instrumental dan motivasi integratif memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku dan pembelajaran seseorang. Motivasi Instrumental dan Motivasi Integratif adalah dua jenis motivasi yang mempengaruhi cara seseorang belajar dan berinteraksi, terutama dalam konteks pembelajaran bahasa atau sosia. *Rajah 1* menekankan peranan faktor sosial dan psikologi dalam pembelajaran Bahasa. Motivasi merupakan sebahagian komponen penting dalam teori sosio-psikologikal yang biasanya dibahagikan kepada dua jenis iaitu motivasi instrumental dan motivasi integratif. Motivasi instrumental adalah berkaitan untuk tujuan praktikal, seperti mendapatkan pekerjaan, meningkatkan taraf ekonomi, atau mencapai matlamat akademik. Manakala motivasi integratif pula berkaitan dengan keinginan untuk lebih memahami dan menghargai budaya lain. Motivasi integratif lebih rapat kaitannya dengan aspek psikologikal kerana ia menyentuh identiti diri dan hubungan antara individu dengan masyarakat lain. Sikap yang positif boleh memacu motivasi seseorang ke arah kejayaan, sama ada motivasi integratif atau instrumental, kerana ia menentukan sejauh mana seseorang akan bertahan dan memberi komitmen dalam usaha mereka.



Rajah 1. Model sosial psikologikal.

Dalam konteks teori Multiple Intelligences oleh Gardner (1985), motivasi integratif dan motivasi instrumental dapat dihubungkan dengan bagaimana individu menggunakan kecerdasan mereka untuk mencapai tujuan tertentu, sama ada kerana minat intrinsik atau kerana dorongan luar. Dalam teori Gardner, motivasi integratif dan motivasi instrumental berkait dengan pelbagai kecerdasan yang dimiliki oleh individu. Motivasi integratif cenderung digerakkan oleh kecerdasan interpersonal, linguistik, dan intrapersonal, kerana ia melibatkan interaksi sosial yang lebih mendalam dan keinginan untuk memahami budaya lain. Sebaliknya, motivasi instrumental lebih berkait dengan kecerdasan logikal-matematik dan juga kecerdasan linguistik, kerana ia lebih bersifat praktikal dan berorientasikan matlamat yang nyata, seperti mendapat faedah ekonomi atau profesional daripada pembelajaran bahasa atau kemahiran. Secara keseluruhannya, motivasi dan kecerdasan adalah berkait rapat dalam menentukan tahap seseorang individu belajar dan berinteraksi dalam dunia sosial, serta bagaimana mereka mencapai matlamat hidup berdasarkan potensi mereka yang unik.

Instrumen dan Metod Kajian

Metodologi kajian ini adalah menggunakan kaedah soal selidik melalui pendekatan kuantitatif. Soalan soal selidik ini telah diubah suai daripada kajian oleh Bidin et al. (2019). Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar melalui Google Form. Kaedah ini adalah lebih sesuai dan efisien kerana data yang diperolehi adalah mudah untuk dianalisis dan ditadbir oleh penyelidik. Borang soal selidik ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A Demografi Responden, bahagian ini mengandungi 8 soalan berkaitan dengan demografi responden yang mengikuti kursus bahasa Melayu di UUM. Bahagian B mengukur motivasi dalam mempelajari bahasa Melayu. Bahagian ini mempunyai juga mempunyai 12 soalan yang berkait rapat dengan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu di UUM dalam kalangan pelajar antarabangsa. Responden kajian adalah terdiri daripada pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Asas untuk Penutur Asing di UUM. Bilangan responden adalah seramai 27 orang, iaitu 16 orang lelaki dan 11 orang perempuan.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Hasil kajian dari aspek motivasi, contohnya instrumental (keperluan akademik atau kerjaya) dan motivasi integratif (minat terhadap budaya Melayu) merupakan faktor utama yang mempengaruhi keputusan mereka untuk mempelajari Bahasa Melayu. Pelajar yang mempunyai motivasi integratif biasanya menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan mereka yang hanya mempunyai motivasi instrumental. Sementara itu, dari segi hubungan antara motivasi, dan pencapaian akademik pula terdapat hubungan positif yang signifikan antara sikap positif terhadap kursus dan pencapaian akademik. Pelajar yang mempunyai sikap positif cenderung untuk mencapai keputusan yang lebih baik. Motivasi integratif mempunyai hubungan yang lebih kuat dengan pencapaian akademik berbanding motivasi instrumental. *Jadual 1* menunjukkan jumlah responden berdasarkan negara asal. Dapatan dibawah mendapati majoriti pelajar adalah dari negara Indonesia iaitu seramai 21 orang (77.78%) dan negara-negara lain yang masing-masing mewakili seramai satu (1) orang pelajar iaitu dari negara Bangladesh, China, Mesir, Libya, Nigeria dan Somalia.

Jadual 1. Maklumat demografi responden mengikut negara asal.

Negara asal	Bilangan	Peratus (%)
Bangladesh	1	3.70
China	1	3.70
Mesir	1	3.70
Indonesia	21	77.78
Libya	1	3.70
Nigeria	1	3.70
Somalia	1	3.70
Jumlah	27	100

Jadual 2 menerangkan motivasi responden dalam mempelajari Bahasa Melayu mengikut pilihan majoriti responden. Seperti yang diterangkan di atas, motivasi terbahagi kepada dua, iaitu motivasi integratif dan instrumental. Motivasi integratif merujuk kepada penyebab individu mempelajari bahasa kedua bagi tujuan berinteraksi, mendekati atau memahami komuniti bahasa kedua. Manakala motivasi instrumental berkaitan dengan keinginan individu untuk mendapatkan pengiktirafan sosial atau manfaat ekonomi melalui pengetahuan bahasa asing. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, terdapat lima item bagi motivasi integratif dan tujuh item bagi motivasi instrumental. Dapatan kajian menunjukkan bahawa item motivasi integratif yang paling tinggi peratusan ialah pelajar suka akan budaya dan cara hidup orang Melayu iaitu 55.6 peratus, diikuti dengan item pelajar adalah berminat untuk mempelajari bahasa Melayu dengan kadar peratusannya 44.4 peratus. Item ini berkait rapat dengan kesediaan belajar yang memungkinkan seseorang itu untuk belajar. Husin (1999) mengutarakan sikap prinsip kesediaan belajar berpendapat bahawa proses pembelajaran akan lebih berkesan sekiranya sudah wujud kesediaan dalam diri untuk menerimanya. Seterusnya ialah pelajar suka menonton drama/filem dalam bahasa Melayu mempunyai peratusan sebanyak 40.7 peratus. Melalui tontonan filem, secara tidak langsung perbendaharaan kata pelajar juga bertambah. Penguasaan kosa kata adalah sangat penting dalam meningkatkan penguasaan bahasa. Ini selaras dengan kajian oleh Jamil et al. (2020) yang menekankan penguasaan aspek kosa kata akan membantu penguasaan bahasa yang dipelajari. Akhirnya bagi item pelajar suka makanan Melayu dan penggunaan alat bantu mengajar multimedia menarik minat pelajar untuk belajar bahasa Melayu masing-masing memperolehi 37.0 peratus bagi kedua-dua item. Penggunaan alat bantu multimedia adalah penting pada era kepintaran buatan bagi menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu. Pelajar juga akan lebih mudah belajar melalui penggunaan aplikasi yang terkini.

Jadual 2. Motivasi dalam mempelajari bahasa Melayu.

Item	STS	TS	N	S	SS	M	SP
Saya berminat untuk mempelajari bahasa Melayu	3.7	3.7	18.5	29.6	44.4	4.0741	1.07152
Saya suka mempunyai kawan yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu	3.7	0	18.5	18.5	59.3	4.2963	1.03086
Saya suka makanan Melayu	3.7	0	29.6	29.6	37.0	3.9630	1.01835
Saya suka akan budaya dan cara hidup orang Melayu	3.7	0	40.7	55.6	0	3.4815	0.70002
Saya suka menonton drama/filem dalam bahasa Melayu	14.8	40.7	33.3	11.1	0	2.4074	0.88835
Saya mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di Malaysia	7.4	0	14.8	37.0	40.7	4.0370	1.12597
Penguasaan bahasa Melayu akan memberi nilai tambah dalam kehidupan saya	7.4	0	18.5	25.9	48.1	4.0741	1.17427
Penggunaan alat bantu mengajar multimedia menarik minat saya untuk belajar bahasa Melayu	3.7	3.7	3.7	29.6	25.9	3.7037	1.03086

Adakah anda bersetuju kursus bahasa Melayu satu subjek yang mudah?	0	0	11.1	40.7	48.1	4.3704	0.68770
Bahasa Melayu merupakan kursus yang sukar?	51.9	29.6	11.1	3.7	3.7	1.7778	1.05003
Pensyarah bahasa Melayu berjaya menghidupkan suasana ketika mengajar	0	0	7.4	22.2	70.4	4.6296	0.62929
Saya suka membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu	7.4	7.4	37.0	25.9	22.2	3.4815	1.15593

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju; TS=Tidak Setuju; N=Neutral; S=Setuju; SS=Sangat Setuju; M=Min; SP=Sisihan Piawai.

Manakala dapatan kajian bagi motivasi instrumental pula, majoriti responden memilih skala sangat setuju bagi setiap item yang ditanya. Dapatan menunjukkan 70.4 peratus pelajar memilih bahawa pensyarah berjaya menghidupkan suasana ketika mengajar. Hal ini kerana pengajar dan guru merupakan orang yang menjadi penentu perjalanan dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Merekalah yang menjadi pengurus yang mengendalikan kelas sepanjang kuliah (Ardi, 2005). Seterusnya ialah kadar peratusan kedua tertinggi ialah pelajar suka mempunyai kawan yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu iaitu 59.3 peratus. Pelajar juga bersetuju bahawa kursus bahasa Melayu satu subjek yang mudah dengan kadar peratusan 48.1 peratus dan peratus yang sama bagi item penguasaan bahasa Melayu akan memberi nilai tambah dalam kehidupan pelajar. Item ini menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Melayu dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada responden semasa berkomunikasi dan berurusan di Malaysia. Pelajar juga sangat setuju dengan item mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di Malaysia dengan kadar peratusan 40.7 peratus. Hal ini bagi memudahkan urusan rasmi di UUM secara khususnya dan di Malaysia secara umumnya. Manakala 37 peratus menunjukkan bahawa pelajar suka membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Akhir sekali, pelajar memilih tidak sangat setuju bagi item bahasa Melayu adalah kursus yang sukar iaitu sebanyak 51.9 peratus. Antara faktor yang menyumbang kepada persepsi ini ialah kerana pelajar tidak perlu mempelajari sistem tulisan yang kompleks atau berkarakter seperti dalam bahasa Thai, bahasa Jepun, bahasa Mandarin dan bahasa lain-lain yang berkarakter. Oleh itu, proses pembelajaran menjadi semakin mudah dan senang difahami. Begitu juga dengan penggunaan istilah dan kosa kata bahasa Melayu yang mudah untuk difahami disamping cara sebutan yang mudah. Menurut Abidin (2024), bahasa Melayu juga lebih mudah dikuasai kerana tidak memerlukan perubahan kata mengikut bilangan, jantina dan waktu perbuatan seperti bahasa lain. Menurut beliau lagi, cara menyebut dalam bahasa Melayu juga mudah kerana sebutan mengikut ejaan dan tidak wujud kekeliruan untuk menyebut sesuatu perkataan lebih-lebih lagi jika sering menuturkan perkataan tersebut. Keunikan bahasa Melayu berbanding bahasa lain juga dapat dilihat daripada aspek penggunaan ton atau nada pengucapan. Hal ini kerana bahasa Melayu tidak mempunyai ton nada jika dibandingkan dengan bahasa Mandarin.

Kesimpulan

Kajian ini telah memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai sikap dan motivasi pelajar antarabangsa terhadap kursus bahasa Melayu di Universiti Utara Malaysia (UUM). Dengan menggunakan kaedah kuantitatif, kajian ini berjaya mengungkap tahap motivasi pelajar antarabangsa dalam mempelajari bahasa Melayu. dari segi motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu pula ia boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu motivasi instrumental dan motivasi integratif. Motivasi instrumental merujuk kepada keperluan praktikal seperti urusan akademik dan peluang

pekerjaan. Sebaliknya, motivasi integratif berkaitan dengan keinginan untuk memahami dan mengintegrasikan diri dalam budaya tempatan. Kajian ini mendapati bahawa motivasi instrumental adalah lebih dominan, tetapi motivasi integratif juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan minat pelajar. Oleh yang demikian, para pensyarah perlu melaksanakan pengajaran dengan mempertimbangkan kepelbagaian pendekatan, kaedah, teknik, aktiviti dan bahan bagi memenuhi kepelbagaian pelajar yang datang dari pelbagai negara serta tuntutan komunikasi semasa.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia atas pembiayaan penyelidikan ini di bawah Geran Penyelidikan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah 2023, kod SO 21597, ID-15011339. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini.

Konflik Kepentingan

Para penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Abidin, S.H.Z. (2024): Pembelajaran bahasa Melayu tidaklah sukar. – Dewan Bahasa dan Pustaka 6p.
- [2] Ardi, N. (2005): Sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya di kalangan pelajar universiti di Selatan Thailand. – Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya 447p.
- [3] Bakar, S.S.A., Subramaniam, S. (2016): Pengaruh motivasi intrumental dan integratif dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan penutur asing. – *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(2): 54-61.
- [4] Bidin, S.H., Abdullah, H.J., Zan, N.S., Kadir, Z.A., Abdullah, R.A. (2019): Faktor sikap, motivasi dan jantina mempengaruhi penguasaan pembelajaran bahasa Jepun tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. – *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 1(1): 105-115.
- [5] Gardner, R.C. (1985): *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. – London: Edward Arnold 208p.
- [6] Gardner, R.C., Lambert, W.E. (1972): *Attitudes and motivation in second-language learning*. – Newbury House Publishers 313p.
- [7] Husin, K.H. (1999): *Pengajaran lisan: Kemahiran mendengar dan bertutur*. – Kumpulan Budiman 338p.
- [8] Jamil, N., Rahim, N.A.A., Abdullah, S. (2020): Penguasaan kosa kata dalam komunikasi bahasa asing. – *Journal of Human Development and Communication (JoHDeC)* 9: 99-108.
- [9] Ma'alip, H., Zakaria, K., Roza, C.H.C., Zulkipli, N.A. (2021): Motivasi dan Halangan Bagi Pelajar Asing Menguasai Bahasa Melayu Melalui Pembelajaran Secara dalam Talian di Universiti Teknologi Malaysia: Motivation and Obstacles for Foreign Students to Master the Malay Language through Online Learning at Universiti Teknologi Malaysia. – *LSP International Journal* 8(2): 41-54.
- [10] Nasir, Z.M., Hamzah, Z.A.Z. (2014): Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. – *gProcedia-Social and Behavioral Sciences* 134: 408-415.